

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN  
[ TEMERLOH ]**

**TARIKH : 17JUN 2015**

**RUJUKAN : 7978**

**SOALAN:**

**Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [ Temerloh ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah pesalah negara yang telah mendapat perlindungan politik di luar negara.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pihak PDRM tidak mempunyai maklumat berkaitan dengan jumlah pesalah negara yang telah mendapat perlindungan politik di luar negara. Pihak PDRM hanya mempunyai rekod pesalah-pesalah yang dipercayai telah melarikan diri ke luar negara bagi mengelakkan dibicarakan atau dijatuhkan hukuman yang telah dikeluarkan waran tangkap dan disenaraikan sebagai *'wantedperson'* dalam rekod PDRM.**

Statistik pesalah yang disyaki telah melarikan diri daripada dituduh di Mahkamah atau menjalani hukuman mengikut kesalahan seperti berikut:-

	SEKSYEN KESALAHAN	MELAYU		CINA		INDIA	
		L	P	L	P	L	P
1	302 KK	1		2			
2	329 KK			1			
3	420 KK		1		1		
4	409 KK						
5	179 (B) CAPITAL MARKET AND SERVICES ACT 2007			1			
6	466/471/506 KK					1	
7	10/11 ANTI CORRUPTION ACT 1997			2			
8	109/130 G (A) KK		1				
9	132 (3) COMPANY ACT 1965			1			
10	87 MALAYSIAN SECURITIES INDUSTRY ACT 1983			2	1		
11	39 (B) DANGEROUS DRUG ACT 1952			1			
	JUMLAH	1	2	10	2	1	
JUMLAH KESELURUHAN		16					

Antara kes-kes yang menarik perhatian umum di dalam negara dan luar negara yang melarikan diri seperti kes Raja Petra Kamarudin, Alvin Tan, Ali Abd Jalil dan Sirul Azhar Umar. Kerajaan telah mengambil langkah yang perlu untuk membawa kembali pesalah tersebut ke negara ini untuk perbicaraan atau untuk menjalani hukuman melalui proses ekstradisi. Namun demikian, proses ekstradisi memakan masa kerana melibatkan isu undang-undang antarabangsa yang rumit dan perlu dikendalikan dengan berhati-

**hati. Ianya menyentuh dasar dan undang-undang negara lain dan menyentuh isu hak asasi manusia.**

**Individu seperti Raja Petra Kamarudin, Ali Abd Jalil dan Alvin dikehendaki bagi kesalahan di bawah Akta Hasutan 1948. Ketiga-tiga mereka dipercayai berada di United Kingdom, Sweden dan Amerika Syarikat. Sirul Azhar Umar pula dikehendaki bagi kesalahan membunuh dan sekarang berada di Australia.**